

8 Staf UMP Bakal Tunai Ibadah Haji Musim ni



Pekan, 17 Julai –Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengadakan Majlis Doa Selamat bagi meraikan seramai lapan orang staf UMP yang akan menunaikan Ibadah haji tahun ini. Majlis anjuran Jabatan Pendaftar ini berlangsung di Dewan Bankuet Canseleri UMP Pekan dengan dihadiri Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid.

Pemilihan dan penyenaraian seseorang sebagai bakal jemaah haji bagi sesuatu musim haji juga merupakan pada hemat saya satu kejayaan dan pencapaian peribadi yang istimewa dan besar maknanya memandangkan proses pemilihan dan penyenaraian tersebut dilakukan pihak Lembaga Tabung Haji yang mengambil masa yang lama dengan tempoh menunggu yang agak panjang.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing, realiti ini boleh kita fahami dengan melihat data dan statistik semasa yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji. Sehingga tahun 2016 misalnya, jumlah pendeposit di Lembaga Tabung Haji telah mencapai angka hampir 9 juta orang dan daripada jumlah tersebut, 2.5 juta pendeposit yang telah mendaftar haji masih menanti giliran mereka untuk Tanah Suci.

"Walaupun pemerintah negara Arab Saudi telah mengembalikan semula kuota asal jemaah haji Malaysia berjumlah 27,900 dengan tambahan 2,300 slot bagi musim haji 1438 Hijrah ini, namun kita juga sedia dimaklumkan oleh Lembaga Tabung Haji bahawa tempoh menunggu giliran yang terpaksa ditempuh oleh para pendeposit yang telah mendaftar haji ialah antara 50 tahun ke 89 tahun," katanya semasa menyampaikan ucapan.

Justeru, dengan takdir Allah Ta’ala, ada dalam kalangan saudara-saudara kita yang berjaya sampai ke Tanah Suci pada usia yang masih muda dan bertenaga, dan ada juga yang sampai ke sana pada usia emas sebagai pesara. Namun, sebagai hamba Allah yang perlu sentiasa bersangka baik dengan Penciptanya dan redha sebagai ketentuan-Nya.



Beliau percaya bahawa rakan-rakan UMP yang terpilih sebagai jemaah haji bagi tahun ini telah pun melakukan persediaan yang sepatutnya dari segi mental, fizikal dan spiritual bagi mengharungi pelbagai cabaran sepanjang ibadah haji kelak. Malahan, rakan-rakan yang telah pernah menempuh ibadah haji sebelum ini, pastinya amat merindui detik-detik manis sebagai tetamu Allah di Tanah Suci walaupun terpaksa berdepan dengan pelbagai ujian dan cabaran sepanjang di sana sama ada dari segi cuaca, kesihatan, karenah orang, pengangkutan dan juga selera makan.

Justeru, beliau mendoakan rakan-rakan bakal jemaah haji dan hajah yang diraikan mudah-mudahan dikurniakan Allah Ta’ala kudrat, kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan sepanjang tempoh mereka berada di Tanah Suci, termasuklah dalam perjalanan pergi dan balik.

Lapan bakal jemaah haji ini adalah Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Profesor Dr.Kamarul Hawari Ghazali, pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Profesor Madya Ir. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman, Dr. Mohamad Rizza Othman dan Dr. Nurul Aini binti Mohd Azman serta pasangan suami isteri dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Azwin Arif Abdul Rahim dan Dr. Nor Yazi Khamis.

Turut serta Muhammad Hasyir Sunoto dari Jabatan Jaringan dan Industri Masyarakat, dan Syarifah Azlin Syed Yusop dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian. Bagi Muhammad Hasyir melahirkan kesyukuran apabila dipilih menjadi tetamu Allah dalam usia yang agak muda dan tidak akan melepaskan peluang keemasan ini untuk memberi tumpuan sepenuhnya dalam menyempurnakan rukun kelima ini.



Disediakan Nur Laila Afandi dari Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 21-07-2017, 15:26:05